BAB 3

REKABENTUK KAJIAN DAN METHODOLOGI

Pengenalan

Bab ini akan membincangkan beberapa perkara yang berkaitan dengan reka bentuk kajian dan methodologi iaitu;

A. Pemilihan Kawasan.

B. Methodologi Kajian.

C. Persampelan.

D. Kajian Rintis.

E. Prosedur Kajian.

F. Analisis Data.

A. Pemilihan Kawasan

Selayang adalah sebuah kawasan pinggir bandar yang terletak dalam lingkungan 10-12 km. dari ibu kota Kuala Lumpur. Sejak akhir-akhir ini kawasan ini pesat membangun dengan kawasan-kawasan perumahan baru, kompleks membeli belah, hospital, pasar borong dan sebagainya. Faktor pertambahan penduduk dengan pembangunan kawasan perumahan baru merupakan faktor utama bertambahnya sekolah-sekolah untuk menampung keperluan penduduk baik sekolah rendah, sekolah menengah atau tadika. Kini terdapat lebih dari 20 buah tadika yang beroperasi memberi perkhidmatan prasekolah kepada anak-anak penduduk di sekitar kawasan ini. Ada yang beroperasi secara formal dan ada yang separuh formal. Ada yang berfungsi sebagai pusat asuhan kanak-kanak sepanjang hari dan ada yang

separuh tadika dan separuh pusat jagaan kanak-kanak. Namun pengkaji hanya memilih prasekolah yang berfungsi sebagai tadika sahaja.

Tadika yang dipilih adalah tadika kawasan Selayang yang meliputi beberapa kawasan, Selayang Baru, Taman Selayang Baru, Bandar Baru Selayang dan Selayang Indah. Tidak termasuk kawasan Selayang Lama, Taman Selayang, Selayang Bahagia, Selayang Utama dan lain-lain.

B. Methodologi Kajian

Dalam kajian ini penulis menggunakan cara temubual berstruktur dan tidak berstruktur. Penulis juga membuat pemerhatian dengan menyediakan senarai semak Penulis membuat apa-apa catatan yang ada kaitan atau mungkin ada perkaitan dengan topik kajian di samping menyemak maklumat-maklumat yang ada dari dokumen-dokumen yang diperolehi.

Tokoh-tokoh penyelidikan seperti Walker dan Burnhill (1988) menyatakan pengumpulan data melalui temubual boleh dilakukan dengan berbagai cara termasuk temubual dan pemerhatian. Azizan T. S. Abdullah, (1998) menyatakan kaedah temubual boleh dilakukan dengan 4 cara iaitu temubual berstruktur dan tidak berstruktur, pemerhatian, catatan-catatan semasa lawatan dan apa yang diperolehi dari maklumat -maklumat yang ada.

C. Persampelan

Sampel yang diambil adalah di kalangan guru-guru tadika yang mengajar di beberapa buah tadika yang dikaji. Sampel yang diambil adalah dipilih secara sukarela di kalangan guru yang bertugas. 10 orang guru dari sepuluh buah tadika bersetuju untuk menjadi sampel.

D. Kajian Rintis

Lawatan dan kajian rintis telah dijalankan di sebuah tadika 5 hari sebelum kajian sebenar dilakukan. 2 orang guru diminta menjawab soalan -soalan yang telah disediakan untuk kajian rintis. Ini adalah bertujuan untuk melihat gambaran perjalanan aktiviti dalam kelas bertujuan memperbaiki item-item soalan berstruktur yang disediakan dari segi bahasa, struktur ayat, menambah mana-mana yang kurang dan membuang mana-mana yang keliru.

Temubual dibuat dengan menyediakan senarai semak yang dijalankan dengan cara formal dan tidak formal, langsung atau tidak langsung. Berdasarkan kajian rintis ini, soalan-soalan.diharmonikan untuk kajian sebenar. Soalan-soalan ini telah diuji keesahan isi kandungannya oleh 2 orang pakar. Seorang pakar dari Fakulti Pendidikan Universiti Malaya dan seorang lagi dari Jabatan Bahasa Maktab Perguruan Teknik. Kajian ini amat penting untuk mengukur keesahan dan kejituan soalan untuk memperolehi jawapan yang tepat.

E. Prosedur Kajian

Penulis memperkenalkan diri dan menyatakan tujuan kedatangan. Setelah mendapat kebenaran dari pengurus sekolah atau pentadbir secara lisan, penulis telah meminta mana-mana guru yang dicadangkan oleh pengurus atau guru besar atau sukarela untuk ditemubual. Item-item temubual dan senarai semak berstruktur ditadbirkan kepada guru-guru sampel. (lampiran 1 dan 2).

Di samping itu penulis telah membuat pemerhatian dengan menggunakan senarai semak yang telah disediakan berdasarkan perkara yang akan dikaji. Maklumat tambahan didapati dari dokumen dan paparan di sekitar tadika, bahan-

bahan bacaan, Buku Garis Panduan Kurikulum Prasekolah, penyelidikan dan lain-lain.

F. Analisis Data

Data-data dari soalan temubual dan kepelbagaian sumber dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis tematik iaitu mendapatkan pola-pola terpilih bagi menjawab soalan-soalan kajian. Lapuran dibuat secara deskriptif.